

Headline	Kutipan zakat di Pahang meningkat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	30
ArticleSize	409 cm <sup>2</sup>	Journalist	NORAWAZNI
PR Value	RM 26,012		



# Kutipan zakat di Pahang meningkat

Catat peningkatan sebanyak RM10.5 juta atau lapan peratus

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

**K**utipan zakat harta di Pahang meningkat kepada RM142 juta pada tahun lalu berbanding RM131.5 juta tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak RM10.5 juta atau lapan peratus.

Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah bertitah, walaupun kutipan itu tidak mencapai sasaran yang ditetapkan namun bilangan pembayar zakat telah meningkat sebanyak 4.5 peratus.

"Saya dapati bilangan pembayar zakat meningkat daripada 85,810 kepada 89,728 orang



Tengku Hassanal (tengah) bersama 10 wakil badan korporat yang menyerahkan zakat perniagaan mereka di Istana Abdulaziz, Kuantan semalam.

pada tahun lalu.

"Bagi kutipan zakat tidak mencapai sasaran itu, saya dapati ia disebabkan proses pelaksanaan penguatkuasaan Enakmen Zakat yang masih belum dilaksanakan sepenuhnya," titah baginda dalam satu kenyataan selepas menyempurnakan majlis serahan zakat badan korporat di Istana Abdul-

aziz di sini semalam.

Pada program itu, Majlis Ugama dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) menerima serahan zakat perniagaan daripada 10 agensi korporat dengan nilai keseluruhan RM9.44 juta.

FGV Holdings Berhad menjadi agensi paling tinggi membuat pembayaran zakat perniagaan iaitu RM2.12 juta diikuti

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (RM2 juta), Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (Kosma) (RM1.32 juta), Tenaga Nasional Berhad (TNB) (RM1.03 juta) dan Risdan (RM876,303).

Lima lagi agensi yang membuat pembayaran zakat perniagaan ialah Bank Pembangunan Malaysia Berhad sebanyak

RM700,000, Far East Holdings Berhad (RM600,000), FELCRA Berhad Wilayah Pahang (RM435,937), Telekom Malaysia Berhad (RM207,480) dan Radicare Group Of Companies (RM143,702).

Tengku Hassanal bertitah, kutipan zakat perlu dipertingkatkan bagi membolehkan agihan zakat dapat diperluaskan.

"Dengan keadaan ekonomi yang mula bertambah baik, khususnya harga kelapa sawit berada dalam trend menaik, maka kutipan zakat yang meningkat secara langsung atau tidak dengan keadaan ini dijangka turut menaik.

"Peningkatan dalam kutipan zakat akan memberikan impak secara langsung kepada penerima bantuan zakat iaitu agihan akan dapat diperluaskan lagi," titah baginda.

Baginda bertitah, pihak Muip melalui Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang menyasarkan kutipan zakat harta sebanyak RM145 juta pada tahun ini.